“**Ejen Biologi**” bermaksud sebarang mikroorganisma patogen (penghasil penyakit) dan/atau toksin yang dihasilkan secara biologi (termasuk organisma yang diubah suai secara genetik dan toksin yang disintesis secara kimia) yang menyebabkan penyakit dan/atau kematian pada manusia, haiwan atau tumbuhan.

“**Ejen Kimia**” bermaksud apa-apa sebatian yang apabila disebarkan dengan sesuai, akan menghasilkan kesan yang tidak berupaya, merosakkan atau membawa maut kepada manusia, haiwan, tumbuhan atau harta material.

“**Rawatan Pergigian**” bermaksud rawatan pergigian perubatan akibat **Kemalangan** sahaja.

“**Kecederaan**” bermaksud kecederaan badan yang disebabkan semata-mata dan secara langsung oleh **Kemalangan**.

“**Orang yang Diinsuranskan**” bermaksud orang yang dinamakan dalam **Jadual** yang berumur antara enam belas (16) hingga enam puluh lima (65) tahun dengan syarat bahawa **Anda** mempunyai kepentingan untuk diinsuranskan terhadap **Orang yang Diinsuranskan** dan mestilah warganegara Malaysia atau pemastautin tetap Malaysia atau warga asing yang tinggal secara sah di Malaysia.

“**Kehilangan**” digunakan dalam merujuk kepada anggota badan yang terputus secara fizikal atau kehilangan penggunaan sepenuhnya dan tidak boleh dipulihkan.

“**Kehilangan Pendengaran**” bermaksud kehilangan pendengaran yang menyeluruh dan tidak boleh dipulihkan serta disahkan secara perubatan sebagai tidak dapat dipulihkan melalui pembedahan atau rawatan lain.

“**Kehilangan Penglihatan**” bermaksud kehilangan penglihatan mata yang menyeluruh dan tidak boleh dipulihkan serta disahkan secara perubatan sebagai tidak dapat dipulihkan melalui pembedahan atau rawatan lain.

“**Kehilangan Pertuturan**” bermaksud ketidakupayaan menyeluruh dan kekal untuk berkomunikasi secara lisan serta disahkan secara perubatan sebagai tidak dapat dipulihkan melalui pembedahan atau rawatan lain.

“**Perbelanjaan Perubatan**” bermaksud perbelanjaan yang munasabah dan perlu, yang ditanggung disebabkan oleh **Kecederaan** akibat daripada **Kemalangan** yang dibayar oleh **Orang Yang Diinsuranskan** kepada **Pengamal Perubatan**, klinik perubatan, jururawat, hospital dan/atau perkhidmatan ambulans bagi perubatan, laporan perubatan, pembedahan, X-ray, rawatan kejururawatan atau hospital, termasuk kos bekalan perubatan, sewa ambulans, kos **Rawatan Pergigian** dan rawatan fisioterapi. Semua rawatan termasuk rawatan pakar mesti dipreskripsi atau dirujuk oleh **Pengamal Perubatan** agar perbelanjaan dapat dibayar balik.

“**Pengamal Perubatan**” bermaksud seseorang yang berkelayakan ijazah dalam bidang perubatan barat dan berdaftar secara sah untuk mengamalkan perubatan barat di kawasan geografi tersebut dan bukan **Anda** dan/atau **Orang Yang Diinsuranskan**.

“**Keganasan nuklear, kimia atau biologi**” bermaksud **Penggunaan sebarang Senjata Nuklear** atau peranti, pelepasan, penyebaran, pembebasan oleh sebarang **Ejen Kimia** pepejal, cecair atau gas dan/atau **Ejen Biologi** semasa **Tempoh Insurans**, oleh mana-mana individu atau kumpulan individu, yang dilakukan untuk tujuan politik, agama, ideologi atau yang serupa termasuk niat untuk mempengaruhi mana-mana kerajaan dan/atau menimbulkan ketakutan kepada orang awam, atau mana-mana bahagian orang awam.

“**Tempoh Insurans**” bermaksud tempoh perlindungan yang dinyatakan dalam **Jadual**.

“**Kehilangan Upaya Kekal**” bermaksud **Kecederaan** yang:

- a. termasuk dalam sebarang keadaan yang disenaraikan dalam Jadual Peratusan Manfaat Yang Dibayar Polisi ini; dan
- b. yang mana berkenaan, telah berlangsung untuk suatu tempoh yang berlanjutan selama 365 hari dari tarikh **Kemalangan** tanpa ada harapan untuk bertambah baik pada akhir tempoh tersebut.

“**Penyakit Sedia Ada**” bermaksud keadaan fizikal atau perubatan yang wujud sebelum tarikh kuat kuasa yang **Orang Yang Diinsuranskan** mempunyai pengetahuan yang munasabah. **Orang yang Diinsuranskan** boleh dianggap mempunyai pengetahuan yang munasabah tentang **Penyakit Sedia Ada** di mana keadaan fizikal atau perubatan adalah yang mana: -

- a. **Orang Yang Diinsuranskan** telah menerima atau sedang menerima rawatan;
- b. nasihat perubatan, diagnosis, penjagaan atau rawatan telah disyorkan;
- c. simptom yang jelas atau nyata; atau
- d. kewujudannya akan menjadi jelas kepada orang yang munasabah dalam keadaan itu.

“**Jumlah Diinsuranskan**” bermaksud amaun maksimum yang perlu dibayar seperti yang dinyatakan dalam **Jadual**.

“**Jadual**” bermaksud dokumen yang menyatakan maklumat **Anda**, **Tempoh Insurans**, tarikh pengeluaran, **Orang Yang Diinsuranskan**, manfaat, premium dan **Jumlah Diinsuranskan**. **Jadual** juga merujuk kepada “sijil pembaharuan” (jika ada) yang dikeluarkan di bawah Polisi ini.

“**Kehilangan Upaya Kekal dan Menyeluruh**” bermaksud **Kecederaan** yang dialami oleh **Orang Yang Diinsuranskan** yang mengakibatkan **Orang Yang Diinsuranskan** terlantar secara kekal atau menyebabkan kehilangan upaya sepenuhnya daripada melakukan apa-apa jenis pekerjaan yang menguntungkan dan diperakui secara perubatan oleh **Pengamal Perubatan** sebagai tiada harapan untuk bertambah baik atau pulih sama ada melalui pembedahan atau rawatan lain dan keadaan ini akan berterusan sepanjang hayat **Orang Yang Diinsuranskan**.

“**Penggunaan sebarang Senjata Nuklear**” bermaksud penggunaan mana-mana senjata atau peranti nuklear yang meletup, atau pelepasan, pancaran, penyebaran, pembebasan atau kebocoran bahan fisil yang memancarkan tahap radioaktiviti yang mampu menyebabkan kehilangan upaya atau kematian di kalangan manusia atau haiwan.

“**Kami/Syarikat**” bermaksud GREAT EASTERN GENERAL INSURANCE (MALAYSIA) BERHAD.

“**Anda/Pemegang Polisi**” bermaksud syarikat / entiti dimana Polisi ini telah dikeluarkan kepadanya berkenaan dengan **Orang Yang Diinsuranskan** seperti yang dinamakan dalam **Jadual**.

KELAYAKAN

1. Pembaharuan perlindungan di bawah Polisi ini tersedia sehingga **Orang yang Diinsuranskan** mencapai umur tujuh puluh (70) tahun.

JADUAL PERATUSAN MANFAAT YANG DIBAYAR

Manfaat	Manfaat yang Dibayar kepada Orang Yang Diinsuranskan bagi Setiap Kemalangan	Peratusan Jumlah Diinsuranskan yang Dibayar
1	Kematian akibat Kemalangan , jika berlaku dalam tempoh 365 hari dari tarikh Kemalangan	100%
2	Kehilangan Upaya Kekal , jika berada di bawah mana-mana kategori berikut:	
2.1	Kehilangan Upaya Kekal dan Menyeluruh	100%
2.2	Kehilangan kedua-dua tangan	100%
2.3	Kehilangan kedua-dua kaki	100%
2.4	Kehilangan penglihatan kedua-dua mata yang menyeluruh dan tidak dapat dipulihkan	100%
2.5	Kehilangan satu tangan dan satu kaki	100%
2.6	Kehilangan lengan di bahu	100%
2.7	Kehilangan lengan antara bahu dan siku	100%
2.8	Kehilangan lengan di siku	100%
2.9	Kehilangan lengan antara siku dan pergelangan tangan	100%
2.10	Kehilangan tangan di pergelangan tangan	100%
2.11	Kehilangan kaki di pinggul	100%
2.12	Kehilangan kaki antara lutut dan pinggul	100%
2.13	Kehilangan kaki di bawah lutut	100%
2.14	Kehilangan seluruh mata atau kehilangan penglihatan mata	100%
2.15	Kehilangan penglihatan yang menyeluruh dan tidak dapat dipulihkan pada satu mata kecuali pengamatan cahaya	50%
2.16	Kehilangan empat jari dan ibu jari pada satu tangan	53%
2.17	Kehilangan empat jari	40%
2.18	Kehilangan ibu jari - Kedua-dua falanks - Satu falanks	25% 10%
2.19	Kehilangan jari telunjuk - Tiga falanks - Dua falanks - Satu falanks	10% 8% 4%
2.20	Kehilangan jari tengah - Tiga falanks - Dua falanks - Satu falanks	6% 4% 2%
2.21	Kehilangan jari manis - Tiga falanks - Dua falanks - Satu falanks	6% 4% 2%
2.22	Kehilangan jari kelingking - Tiga falanks - Dua falanks - Satu falanks	6% 3% 2%

2.23	Kehilangan metakarpal - Pertama atau kedua (tambahan) - Ketiga, keempat atau kelima (tambahan)	3% 2%
2.24	Kehilangan jari kaki - Semua - Ibu jari kaki, kedua- dua falanks - Ibu jari kaki, satu falanks - Selain ibu jari kaki, jika lebih daripada satu, setiap satu	17% 5% 2% 3%
2.25	Kehilangan Pendengaran - Kedua-dua telinga - Satu telinga	75% 25%
2.26	Kehilangan Pertuturan	60%

Nota:

1. Jika kehilangan upaya tidak dinyatakan di sini, **Kami** akan menerima pakai peratusan kehilangan upaya berdasarkan penilaian perubatan, tidak bercanggah dengan peruntukan Jadual Peratusan Manfaat Yang Dibayar Polisi ini.
2. Kehilangan akal atau sebarang kecederaan yang mengakibatkan **Orang Yang Diinsuranskan** terlantar secara kekal yang mana termasuk di bawah Manfaat 2.1 dalam Jadual Peratusan Manfaat Yang Dibayar Polisi ini hanya akan dibayar sekiranya **Pengamal Perubatan** memperakui sebagai tiada harapan untuk bertambah baik atau pulih dan keadaan ini akan berterusan sepanjang hayat **Orang Yang Diinsuranskan**.

PENERANGAN MANFAAT

MANFAAT 1 – KEMATIAN AKIBAT KEMALANGAN

Kami akan membayar **Jumlah Diinsuranskan** sekiranya **Orang Yang Diinsuranskan** mengalami **Kecederaan** akibat **Kemalangan** secara langsung dan bebas daripada sebarang sebab lain yang mengakibatkan **Kematian Akibat Kemalangan** dalam tempoh tiga ratus enam puluh lima (365) hari dari tarikh **Kemalangan**. Selepas itu, perlindungan untuk **Orang Yang Diinsuranskan** akan berhenti berkuat kuasa secara serta-merta.

Untuk mengelakkan keraguan, jika mana-mana amaun telah dibayar di bawah Manfaat 2 dan terdapat tuntutan berikutnya di bawah Manfaat 1, **Kami** akan membayar **Jumlah Diinsuranskan**, ditolak amaun yang telah dibayar sebelum ini berhubung dengan Manfaat 2.

MANFAAT 2 – KEHILANGAN UPAYA KEKAL

Kami akan membayar **Jumlah Diinsuranskan** berdasarkan peratusan seperti yang dinyatakan dalam Jadual Peratusan Manfaat Yang Dibayar Polisi ini, sekiranya **Orang Yang Diinsuranskan** mengalami **Kecederaan** yang disebabkan oleh **Kemalangan** yang mana menyebabkan **Kehilangan Upaya Kekal**. Perlindungan **Orang Yang Diinsuranskan** tersebut akan berhenti berkuat kuasa secara serta-merta sekiranya **Kami** telah membayar 100% **Jumlah Diinsuranskan**.

Untuk mengelakkan keraguan, jika mana-mana amaun telah dibayar di bawah Manfaat 2 dan terdapat tuntutan berikutnya di bawah Manfaat 2, **Kami** akan membayar **Jumlah Diinsuranskan** mengikut peratusan seperti yang dinyatakan dalam Jadual Peratusan Manfaat Yang Dibayar Polisi ini, ditolak amaun yang telah dibayar sebelum ini berhubung dengan Manfaat 2.

Had Terpakai untuk Manfaat 1 dan 2

Sekiranya mana-mana amaun telah dibayar di bawah Manfaat 3 dan/atau 4 dan terdapat tuntutan berikutnya di bawah Manfaat 1 atau 2, **Kami** akan membayar selepas menolak amaun yang telah dibayar sebelum ini di bawah Manfaat 3 dan/atau 4.

MANFAAT 3 – KETIDAKUPAYAAN SEPENUHNYA YANG SEMENTARA

Kami akan membayar pampasan mingguan yang dinyatakan dalam **Jadual** sehingga maksimum seratus empat (104) minggu sekiranya **Orang yang Diinsuranskan** mengalami kehilangan upaya sepenuhnya dan tidak dapat menjalankan

atau menguruskan perniagaan, pekerjaan atau profesion seperti biasa untuk tempoh masa yang berterusan akibat **Kecederaan** yang disebabkan oleh **Kemalangan**.

MANFAAT 4 – KETIDAKUPAYAAN SEPARA YANG SEMENTARA

Kami akan membayar pampasan mingguan yang dinyatakan dalam **Jadual** sehingga maksimum seratus empat (104) minggu sekiranya **Orang yang Diinsuranskan** mengalami kehilangan upaya separa dan tidak dapat menjalankan atau menguruskan sebahagian besar daripada perniagaan, pekerjaan atau profesion seperti biasa untuk tempoh masa yang berterusan akibat **Kecederaan** yang disebabkan oleh **Kemalangan**.

MANFAAT 5 – PERBELANJAAN PERUBATAN

Kami akan membayar balik **Perbelanjaan Perubatan** yang munasabah dan perlu, berkaitan dengan **Kecederaan** sehingga **Jumlah Diinsuranskan** yang dinyatakan dalam **Jadual** bagi setiap **Kemalangan** tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

- a. **Orang yang Diinsuranskan** mesti mendapatkan dan mematuhi rawatan perubatan barat serta nasihat daripada **Pengamal Perubatan** dalam tempoh dua puluh satu (21) hari dari tarikh **Kemalangan**;
- b. **Orang yang Diinsuranskan** mesti menyerahkan semua bil asal kepada **Kami** untuk menyokong tuntutan tersebut; dan
- c. sekiranya **Orang Yang Diinsuranskan** dirawat di hospital di luar Malaysia, kadar pembayaran balik perbelanjaan perubatan dan hospital yang ditanggung akan berdasarkan kadar yuran dan caj yang disyorkan oleh Persatuan Perubatan Malaysia (MMA) untuk rawatan setara yang dilakukan di Malaysia.

PERLUASAN/ PERUNTUKAN PERLINDUNGAN

Perbelanjaan Pengebumian

Kami akan membayar balik sehingga RM3,000.00 untuk perbelanjaan pengebumian sekiranya **Orang Yang Diinsuranskan** mengalami **Kematian Akibat Kemalangan**, dengan syarat Manfaat 1 dibayar.

Penghantaran Pulang Jenazah

Kami akan membayar balik sehingga RM5,000.00 untuk perbelanjaan yang ditanggung dalam pengangkutan jenazah **Orang Yang Diinsuranskan** dari tempat kematian ke negeri atau negara asal **Orang Yang Diinsuranskan** sekiranya **Orang Yang Diinsuranskan** mengalami **Kematian Akibat Kemalangan**, dengan syarat Manfaat 1 dibayar.

Bayaran Ambulans

Kami akan membayar balik caj sebenar yang ditanggung untuk perkhidmatan ambulans, sehingga RM500.00 untuk mengangkut **Orang Yang Diinsuranskan** ke dan/atau dari hospital akibat **Kemalangan**.

Fasal Mogok, Rusuhan Dan Kegemparan Awam

Dengan ini dinyatakan dan dipersetujui bahawa Polisi ini diperluaskan untuk melindungi **Orang Yang Diinsuranskan** terhadap **Kematian akibat Kemalangan, Kehilangan Upaya Kekal** atau sebarang kerugian lain yang timbul daripada mogok, rusuhan dan kegemparan awam. Dengan syarat **Orang Yang Diinsuranskan** bukan peserta aktif atau secara langsung dalam aktiviti tersebut atau **Kecederaan** tidak timbul atau berkaitan dengan kerjasama atau provokasi **Orang Yang Diinsuranskan** terhadap perbuatan tersebut.

Fasal Kehilangan

Kami akan membayar **Jumlah Diinsuranskan** bagi **Kematian Akibat Kemalangan**, sekiranya dalam **Tempoh Perlindungan, Orang Yang Diinsuranskan** hilang selepas berlakunya **Kemalangan** yang melibatkan pesawat udara atau di laut atau bencana alam dan jasad **Orang Yang Diinsuranskan** tidak dijumpai dalam tempoh satu (1) tahun selepas kehilangannya dan bukti yang mencukupi dikemukakan untuk kepuasan **Kami** yang menyebabkan **Kami** membuat kesimpulan bahawa **Orang Yang Diinsuranskan** telah meninggal dunia akibat kejadian dalam skop Polisi ini. Jika pada bila-bila masa selepas pembayaran manfaat ini telah dibuat oleh **Kami, Orang Yang Diinsuranskan** didapati hidup, bayaran tersebut akan dikembalikan kepada **Kami** dengan segera.

Fasal Pendedahan

Tertakluk kepada terma, had, syarat dan pengecualian Polisi ini, **Kami** akan membayar **Jumlah Diinsuranskan** untuk **Kematian Akibat Kemalangan** sekiranya **Orang Yang Diinsuranskan**, selepas mengalami **Kecederaan** akibat

kejadian yang diinsuranskan di bawah ini, dan terdedah kepada unsur-unsur alam semula jadi yang menyebabkan kematian **Orang Yang Diinsuranskan**. Adalah diisytiharkan dan dipersetujui bahawa sekiranya berlaku tuntutan bagi pampasan, ia hendaklah mempunyai pengesahan yang tertakluk kepada siasatan badan kehakiman di mana **Orang Yang Diinsuranskan** didapati telah meninggal dunia akibat pendedahan selepas mengalami **Kecederaan** akibat kejadian yang diinsuranskan.

Fasal Kemalangan Penyedutan Gas/Asap/Wasap, Lemas Dan Keracunan Makanan

Dengan ini dinyatakan dan dipersetujui bahawa Polisi ini diperluaskan untuk melindungi **Orang Yang Diinsuranskan** terhadap **Kematian akibat Kemalangan, Kehilangan Upaya Kekal** atau sebarang kerugian lain yang timbul daripada atau akibat daripada penyedutan gas/asap/wasap, lemas atau keracunan makanan dan minuman dengan atau tanpa sebarang tanda **Kecederaan** luaran atau ganas yang boleh dilihat.

Fasal Sukan Amatur

Dengan ini dinyatakan dan dipersetujui bahawa Polisi ini diperluaskan untuk melindungi **Orang Yang Diinsuranskan** terhadap **Kematian akibat Kemalangan, Kehilangan Upaya Kekal** atau sebarang kerugian lain yang timbul semasa **Orang Yang Diinsuranskan** terlibat dalam mana-mana sukan dalaman atau luaran sebagai seorang amatur, tertakluk kepada Pengecualian.

Fasal Gigitan Serangga/Ular/ Haiwan Yang Membahayakan Tidak Termasuk Gigitan Nyamuk

Dengan ini dinyatakan dan dipersetujui bahawa Polisi ini diperluaskan untuk melindungi **Orang Yang Diinsuranskan** terhadap **Kematian akibat Kemalangan, Kehilangan Upaya Kekal** atau sebarang kerugian lain yang timbul daripada gigitan serangga, ular atau haiwan yang berbahaya (tidak termasuk gigitan nyamuk).

Fasal Pembunuhan Atau Serangan Yang Tidak Diprovokasi

Dengan ini dinyatakan dan dipersetujui bahawa Polisi ini diperluaskan untuk melindungi **Orang Yang Diinsuranskan** terhadap **Kematian akibat Kemalangan, Kehilangan Upaya Kekal** atau sebarang kerugian lain yang timbul daripada atau akibat daripada pembunuhan dan/atau serangan tanpa provokasi.

Fasal Bermotosikal

Dengan ini dinyatakan dan dipersetujui bahawa **Polisi** ini dilanjutkan untuk melindungi kerugian kepada **Orang Yang Diinsuranskan** akibat penggunaan atau menunggang sebagai pembonceng motosikal, motor skuter, moped atau kitaran pedal yang dibantu secara mekanikal, dengan syarat sentiasa **Kami** tidak akan bertanggungjawab untuk membuat sebarang bayaran untuk kerugian akibat perlumbaan, ujian/percubaan kelajuan atau pertandingan.

Kami tidak akan membuat pembayaran di bawah klausa ini jika pada masa **Kemalangan, Orang yang Diinsuranskan** (jika penunggang) tidak memakai topi keledar keselamatan dan tidak memiliki lesen memandu yang sah, **Orang yang Diinsuranskan** (jika pembonceng) tidak memakai topi keledar keselamatan, dan penunggang tidak memiliki lesen memandu yang sah.

Fasal Bencana Alam

Dengan ini dinyatakan dan dipersetujui bahawa Polisi ini diperluaskan untuk melindungi **Orang Yang Diinsuranskan** terhadap **Kematian akibat Kemalangan, Hilang Upaya Kekal** atau sebarang kerugian lain yang disebabkan oleh gempa bumi, ribut angin, banjir, tsunami, letusan gunung berapi, kilat, taufan, ombak pasang surut atau unsur-unsur semula jadi yang lain.

Fasal Memburu

Dengan ini dinyatakan dan dipersetujui bahawa Polisi ini diperluaskan untuk melindungi **Orang Yang Diinsuranskan** terhadap **Kematian akibat Kemalangan, Hilang Upaya Kekal** atau sebarang kerugian lain semasa menyertai atau terlibat dalam perburuan, dengan syarat bahawa aktiviti tersebut tidak dijalankan sebagai aktiviti profesional atau di mana-mana pertandingan, pameran atau demonstrasi.

Fasal Penambahan dan Penolakan Automatik

Pekerja baharu yang diambil bekerja oleh **Anda** selepas tarikh permulaan Polisi ini hendaklah dimasukkan secara automatik di bawah Polisi ini dari hari pertama dia bekerja. **Jumlah diinsuranskan** untuk pekerja baharu hendaklah mengikut skala yang lazim digunakan oleh **Anda** dan tidak boleh melebihi **Jumlah Diinsuranskan** untuk pekerja dalam

kategori pekerjaan yang sama yang telah diinsuranskan di bawah Polisi ini. Pekerja baharu yang tidak termasuk dalam mana-mana kategori pekerjaan sedia ada tidak dilindungi melainkan persetujuan terdahulu telah diperolehi daripada **Kami** dengan syarat **Anda** hendaklah dalam masa tiga puluh (30) hari memberi notis bertulis kepada **Kami** tentang sebarang penambahan dan/atau penolakan pekerja sedemikian di bawah Polisi dan membayar premium tambahan yang mungkin diperlukan oleh atau menerima premium bayaran balik daripada **Kami**. **Anda** bertanggungjawab untuk menginsuranskan semua pekerja daripada setiap kategori pekerjaan di bawah Polisi ini.

Fasal Waranti Premium

Premium mesti dibayar dan diterima oleh **Kami** dalam tempoh 60 hari dari tarikh permulaan Polisi/pengendorsan/ sijil pembaharuan.

Sekiranya syarat ini tidak dipatuhi, Polisi ini akan ditamatkan secara automatik dan **Kami** berhak mendapat premium pro-rata untuk tempoh Polisi berkuat kuasa.

Jika premium yang perlu dibayar menurut waranti ini diterima oleh ejen **Kami** yang diberi kuasa, bayaran tersebut akan dianggap telah diterima oleh **Kami** untuk tujuan waranti ini dan tanggungjawab untuk membuktikan bahawa premium yang perlu dibayar telah diterima oleh seseorang, termasuk ejen insurans, yang tidak diberi kuasa untuk menerima premium tersebut hendaklah terletak pada **Kami**.

Fasal Had setiap Pengangkutan

Liabiliti maksimum **Syarikat** dalam apa jua keadaan tidak boleh melebihi **Jumlah Diinsuranskan** untuk setiap orang yang dinyatakan dalam **Jadual** atau diendorskan di sini, dan melainkan jika dipersetujui dan diendorskan di sini, pampasan yang perlu dibayar berkenaan dengan **Kematian Akibat Kemalangan** atau **Kehilangan Upaya Kekal** yang berlaku manakala sebilangan **Orang Yang Diinsuranskan** pada pengetahuan **Anda** dalam perjalanan dengan kenderaan yang sama adalah terhad kepada maksimum RM3,000,00. Sekiranya agregat melebihi jumlah tersebut, **Syarikat** hendaklah menyelesaikan tuntutan **Orang Yang Diinsuranskan** masing-masing secara berkadar.

PENGECUALIAN YANG BERKUAT KUASA KE ATAS SELURUH POLISI

Tertakluk kepada manfaat dan perluasan yang terpakai pada Polisi ini, **Kami** tidak akan membayar sebarang manfaat sekiranya berlaku **Kecederaan** secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh atau akibat daripada atau boleh dikesan sebagai:

1. sebarang akibat daripada peperangan, pencerobohan, tindakan musuh asing, permusuhan (sama ada perang diisytiharkan atau tidak), perang saudara, pemberontakan, revolusi, pemberontakan tentera atau rampasan kuasa.
2. sebarang tindakan terorisme. Untuk tujuan ini, tindakan terorisme bermaksud perbuatan, termasuk tetapi tidak terhad kepada penggunaan kekerasan atau keganasan dan/atau ancaman mengenainya, oleh mana-mana individu atau kumpulan individu, sama ada bertindak sendirian atau bagi pihak atau dalam hubungan dengan mana-mana organisasi atau kerajaan, yang dilakukan untuk tujuan politik, agama, ideologi atau yang serupa termasuk niat untuk mempengaruhi mana-mana kerajaan dan/atau menimbulkan ketakutan kepada orang awam, atau mana-mana bahagian orang awam.
3. bahan senjata nuklear, sinaran pengion atau pencemaran oleh keradioaktifan daripada mana-mana bahan api nuklear atau mana-mana sisa nuklear hasil pembakaran termasuk sebarang proses pembelahan bahan api nuklear yang mampan diri.
4. sebarang **Keganasan nuklear, kimia atau biologi**.
5. sebarang **Penyakit Sedia Ada**, kecacatan atau kelemahan fizikal atau mental, kehamilan, bersalin, keguguran atau sebarang komplikasi yang berkaitan dengan kehamilan.
6. sebarang jenis penyakit atau kesakitan, parasit, bakteria atau jangkitan virus.
7. sebarang pembedahan elektif, kosmetik (estetik), plastik dan/atau pembedahan rekonstruktif dan rawatan yang

berkaitan.

8. HIV (Virus Kurang Daya Tahan Manusia) dan/atau penyakit berkaitan HIV termasuk AIDS (Sindrom Kurang Daya Tahan Melawan Penyakit) dan/atau sebarang derivatif mutan atau variasi yang timbul daripadanya.
9. pembunuhan atau serangan yang diprovokasi, mencederakan diri dengan sengaja, bunuh diri atau percubaan membunuh diri semasa siaman atau tidak siaman, kesan dadah (kecuali jika diambil mengikut preskripsi oleh **Pengamal Perubatan** untuk penyakit dan bukan untuk rawatan ketagihan dadah), atau jika **Orang yang Diinsuranskan** ialah pemandu atau penunggang yang berada di bawah pengaruh alkohol seperti yang ditetapkan oleh undang-undang.
10. **Orang Yang Diinsuranskan** terlibat atau mengambil bahagian dalam:
 - a. sukan musim sejuk, hoki ais, memancing di laut, berperahu atau berlayar melebihi lima (5) kilometer dari mana-mana garis pantai, selam skuba melainkan **Orang yang Diinsuranskan** ialah ahli kelab menyelam yang diiktiraf dan memegang lesen menyelam yang sah atau menyelam di bawah bimbingan pengajar selam profesional, bermain polo berkuda, lari berhalangan, tinju, gusti, go-kart, payung terjun, luncur angin, terjunan udara, pendakian tebing dengan tangan kosong, memburu di luar had kawasan Malaysia, pertandingan sukan permotoran, ujian kelajuan, ujian ketahanan atau sebarang jenis perlumbaan kecuali berjalan kaki, sukan profesional atau separuh profesional.
 - b. sebarang aktiviti udara kecuali sebagai penumpang yang membayar tambang dalam pesawat yang disediakan dan dikendalikan oleh syarikat penerbangan yang berlesen untuk menyediakan pengangkutan biasa melalui laluan udara yang ditetapkan.
 - c. sebarang operasi lapangan yang dijalankan oleh tentera (tentera darat, tentera laut atau tentera udara), polis atau perkhidmatan sekuriti, ahli bomba, juruterbang atau anak kapal bagi syarikat penerbangan, atau pelombong di perlombongan mineral, sama ada secara sukarela atau sebaliknya.
 - d. penggunaan sebarang jenis mesin kerja kayu atau gergaji bulat berkuasa untuk tujuan pekerjaan atau ganjaran **Orang yang Diinsuranskan**.
 - e. sebarang pekerjaan yang memerlukan **Orang Yang Diinsuranskan** bekerja pada ketinggian 30 kaki dan ke atas.
 - f. aktiviti jenayah atau haram.
 - g. mengembara (sama ada sebagai pemandu, atendan atau penumpang) dalam mana-mana lori tangki dan/atau lori atau trak yang digunakan untuk membawa kayu dan/atau balak.

SYARAT-SYARAT YANG BERKUAT KUASA KE ATAS SELURUH POLISI

1. Tempoh Perlindungan

Polisi ini akan berkuat kuasa untuk tempoh satu (1) tahun dari tarikh yang dinyatakan dalam **Jadual** atau sijil pembaharuan.

2. Perubahan

Terma dan peruntukan Polisi ini mungkin diubah oleh **Kami** menurut sebarang perubahan perundangan, pengubahsuaian berkanun atau pindaan (termasuk keperluan, arahan atau garis panduan yang dikeluarkan oleh mana-mana pihak berkuasa kawal selia) atau dasar **Kami** sebagai tindak balas kepada piawaian pasaran dan perubahan semasa dalam strategi perniagaan, atau disebabkan oleh sebarang kemajuan dalam teknologi, atau untuk membetulkan sebarang kesilapan, jika difikirkan perlu dengan memberikan tiga puluh (30) hari notis terdahulu secara bertulis melalui pos biasa ke alamat terakhir **Anda** dalam rekod **Kami**, dan pindaan tersebut akan berkuat kuasa serta-merta pada pembaharuan Polisi seterusnya selepas notis bertulis terdahulu tiga puluh (30) hari tersebut tamat tempoh.

Tiada pindaan kepada Polisi ini akan sah melainkan dibenarkan oleh **Kami** dan kelulusan tersebut diendors di atasnya.

3. Mengubah Risiko atau Kelayakan

Anda mesti memberitahu **Kami** secara bertulis dengan segera apabila **Orang Yang Diinsuranskan** menukar

pekerjaan, profesion, dan/atau berlakunya risiko kesihatan. Setelah menerima pemberitahuan, **Kami** berhak untuk atau tidak mengenakan terma dan syarat tertentu atau menamatkan Polisi.

Jika terdapat perubahan risiko dan pada masa berlakunya **Kemalangan** yang menimbulkan tuntutan kepada Polisi ini, dan **Kami** tidak menerima sebarang pemberitahuan awal mengenai perubahan tersebut, **Kami** berhak untuk:

- a. menolak tuntutan itu; atau
- b. mengurangkan jumlah tuntutan yang perlu dibayar secara berkadar berdasarkan perbezaan peratusan dalam premium yang dikenakan di bawah Polisi ini jika perubahan risiko itu memerlukan premium yang lebih tinggi di bawah Polisi ini.

Jika pekerjaan atau profesion **Orang Yang Diinsuranskan** ditukar kepada pekerjaan atau profesion terkecuali yang dinyatakan dalam Polisi ini, atau jika **Orang Yang Diinsuranskan** tidak lagi memenuhi kriteria kelayakan di bawah Polisi ini, Polisi ini akan dianggap terbatal dan tidak sah dari tarikh perubahan atau dari tarikh kriteria kelayakan di bawah Polisi ini tidak lagi dipenuhi oleh **Orang yang Diinsuranskan** (yang mana berkenaan) tidak kira sama ada **Anda** telah memaklumpkannya kepada **Kami**. Premium untuk tempoh yang belum tamat dari tarikh perubahan akan dikembalikan kepada **Anda**.

4. Mengubah Alamat

Anda mesti memberitahu **Kami** secara bertulis dengan segera tentang sebarang perubahan alamat surat-menyurat dan/atau butiran hubungan **Anda**. **Kami** akan menghantar semua surat-menyurat tentang Polisi **Anda** ke alamat **Anda**.

5. Pemindahan Kepentingan

Tiada kepentingan dalam Polisi ini boleh dipindahkan tanpa kebenaran bertulis **Kami**. **Kami** hanya akan memperakui dan terikat untuk menerima kepentingan yang dimaklumkan kepada **Kami** pada masa penerbitan perlindungan, atau yang dimaklumkan kepada **Kami** dari semasa ke semasa dan diterima oleh **Kami**. Semua individu yang berhak memperoleh sebarang manfaat di bawah Polisi ini akan terikat dengan terma Polisi ini dan penerimaan manfaat oleh individu tersebut akan melepaskan **Kami** secara efektif daripada Polisi ini.

6. Remedi untuk salah nyata dalam kontrak insurans pengguna

6.1 **Kami** boleh membatalkan Polisi sekiranya sebarang salah nyata pra-kontrak yang dilakukan oleh **Anda** dan/atau **Orang Yang Diinsuranskan** berkaitan dengan sebarang jawapan atau pendedahan dalam Borang Cadangan dan pengakuan **Anda** dan/atau **Orang Yang Diinsuranskan**:-

- a. adalah salah nyata yang disengajakan atau secara melulu; atau
- b. adalah salah nyata yang cuai atau tanpa niat, tetapi oleh sebab salah nyata tersebut, **Kami** tidak akan menerbitkan atau memperbaharui Polisi ini.

Sekiranya Polisi ini tidak sah atau dibatalkan menurut Fasal 6.1 ini, liabiliti **Kami** akan dihadkan kepada pembayaran balik premium yang telah dibayar tanpa faedah, ditolak sebarang hutang kepada **Kami** di bawah Polisi ini.

6.2 Sekiranya terdapat sebarang salah nyata pra-kontrak yang dilakukan oleh **Anda** dan/atau **Orang Yang Diinsuranskan** berkaitan dengan sebarang jawapan atau pendedahan dalam Borang Cadangan dan pengakuan **Anda** dan/atau **Orang Yang Diinsuranskan** adalah salah nyata yang cuai atau tanpa niat, tetapi oleh sebab salah nyata tersebut, **Kami** menerbitkan atau memperbaharui Polisi ini dengan terma dan syarat yang berbeza, **Kami** boleh:-

- a. mengubah sebarang terma dan syarat Polisi ini dan menganggap Polisi ini seolah-olah ia telah diterbitkan atau diperbaharui mengikut terma dan syarat yang berbeza; dan
- b. sebagai tambahan kepada Fasal 6.2(a), mengurangkan amaun yang perlu dibayar untuk tuntutan secara berkadar menurut dasar **Kami** yang berkaitan pada masa material.

7. Pembatalan Polisi

7.1 **Anda** boleh membatalkan Polisi ini pada bila-bila masa dengan memberikan notis bertulis kepada **Kami** dan, dengan syarat tiada tuntutan dibuat semasa **Tempoh Insurans** semasa, **Kami** akan, tertakluk pada

penahanan premium minimum RM50.00 (tidak termasuk cukai Kerajaan), membayar balik premium berdasarkan kadar pro rata kepada **Anda** untuk **Tempoh Insurans** yang belum tamat.

7.2 Kami juga boleh membatalkan Polisi ini pada bila-bila masa dengan memberi notis bertulis empat belas (14) hari kepada **Anda** melalui surat berdaftar di alamat terakhir **Anda** yang **Kami** ketahui. Selepas pembatalan Polisi, **Kami** akan membayar balik premium yang sepadan dengan **Tempoh Insurans** yang belum tamat kepada **Anda**.

8. Membuat Tuntutan

Sekiranya berlaku tuntutan:

- a. **Anda** mesti memberitahu **Kami** dalam masa tiga puluh (30) hari selepas berlakunya **Kemalangan**, dan melengkapkan borang tuntutan **Kami** serta atas perbelanjaannya sendiri memberikan semua maklumat, sijil perubatan dan lain-lain bukti yang **Kami** perlukan secara munasabah kepada **Kami** untuk menilai tuntutan tersebut.
- b. Kegagalan untuk memaklumkan kepada **Kami** dalam tempoh yang ditetapkan di atas tidak akan membatalkan tuntutan sekiranya **Anda** dapat membuktikan bahawa tidak munasabah untuk memberikan notis tersebut dalam tempoh yang ditetapkan.
- c. Bagi membolehkan **Kami** menilai tuntutan dengan lebih lanjut, **Orang yang Diinsuranskan** dikehendaki menjalani sebarang pemeriksaan perubatan atas perbelanjaan **Kami** dalam tempoh yang munasabah atau dalam tempoh yang **Kami** perlukan.
- d. Sekiranya berlaku **Kematian Akibat Kemalangan** ke atas **Orang yang Diinsuranskan**, **Kami** berhak, atas perbelanjaan **Kami**, untuk menjalankan sebarang pemeriksaan bedah siasat yang mana ia tidak dilarang oleh undang-undang.
- e. Sekiranya berlaku pertikaian mengenai punca **Kehilangan Upaya Kekal Orang yang Diinsuranskan**, yang mana ia bukan disebabkan oleh **Kemalangan** semata-mata tetapi mungkin disebabkan oleh keadaan kesihatan sedia ada **Orang yang Diinsuranskan**, tiada tuntutan akan dibayar.

9. Penipuan

Kami boleh menolak tuntutan atau membatalkan Polisi ini atau melakukan kedua-duanya sekiranya **Anda** dan/atau **Orang Yang Diinsuranskan** tidak jujur dan telus dalam membuat mana-mana kenyataan dalam borang cadangan dan pengakuan atau sekiranya tuntutan itu adalah satu penipuan atau dibesar-besarkan.

10. Syarat Pengeluaran Portfolio

Kami berhak untuk membatalkan portfolio secara keseluruhan jika **Kami** memutuskan untuk menghentikan pengunderaitan produk insurans ini. Pembatalan portfolio secara keseluruhan akan diberikan sekurang-kurangnya tiga puluh (30) hari notis bertulis kepada **Anda** dan **Kami** akan menghentikan semua Polisi sehingga tamat tempoh perlindungan dalam portfolio.

11. Kadar Pertukaran Mata Wang

Semua manfaat di bawah Polisi ini perlu dibayar dalam Ringgit Malaysia. Bil perubatan atau bil-bil lain yang dikemukakan dalam mata wang asing akan ditukar kepada Ringgit Malaysia berdasarkan kadar pertukaran yang disebut (kadar pasaran terbuka jika pasaran bebas, kadar rasmi jika bukan pasaran bebas) pada tarikh pengeluaran bil-bil tersebut.

12. Timbang Tara

Semua perselisihan yang timbul daripada Polisi ini akan dirujuk kepada keputusan Penimbang Tara yang akan dilantik secara bertulis oleh pihak-pihak. Jika tiada persetujuan untuk melantik seorang Penimbang Tara, maka dua orang Penimbang Tara akan dilantik secara bertulis, seorang oleh setiap pihak, dalam tempoh satu (1) bulan selepas perselisihan tersebut. Sekiranya berlaku percanggahan pendapat antara Penimbang Tara, seorang Pengadil akan dilantik oleh kedua-dua Penimbang Tara secara bertulis sebelum mendengar kes yang dirujuk. Seseorang Penimbang Tara atau kedua-dua Penimbang Tara dan/atau Pengadil mesti membuat keputusan sebelum prosiding undang-undang boleh dimulakan terhadap **Kami**.

13. Had Masa

Kami tidak akan bertanggungjawab untuk membayar sebarang tuntutan yang dibuat selepas tamatnya tempoh dua belas (12) bulan dari berlakunya **Kemalangan**. Selain itu, jika **Kami** menolak liabiliti untuk sebarang tuntutan, **Anda** mesti merujuk tuntutan kepada timbang tara dalam tempoh dua belas (12) bulan mulai tarikh penolakan **Kami**. Jika **Anda** tidak berbuat demikian, maka tuntutan itu akan, untuk semua tujuan, dianggap telah digugurkan dan tidak boleh dipulihkan semula selepas itu di bawah Polisi ini.

14. Undang-undang Terpakai

Polisi ini ditadbir oleh dan ditafsirkan menurut Undang-undang Malaysia.

15. Penamatan

Polisi ini akan ditamatkan secara automatik apabila berlaku mana-mana yang berikut:

- a. kematian **Orang yang Diinsuranskan**;
- b. 100% **Jumlah Modal Diinsuranskan** untuk manfaat **Kehilangan Upaya Kekal** dibayar; atau
- c. pada tarikh tamat Polisi di mana **Orang Yang Diinsuranskan** telah mencapai umur tujuh puluh satu (71) tahun.

16. Cukai Kerajaan

Sila maklum bahawa premium Polisi ini adalah tertakluk pada cukai Kerajaan yang berkuat kuasa sepanjang tempoh Polisi ini. Tanggungjawab **Anda** untuk membayar cukai Kerajaan yang berkuat kuasa akan menjadi sebahagian daripada terma dan syarat Polisi ini.

17. Fasal Pengecualian Mutlak Kerugian Siber

1. Walau apa pun peruntukan yang bertentangan dalam polisi insurans ini, polisi insurans ini tidak termasuk sebarang Kerugian Siber.
2. Kerugian Siber bermaksud sebarang kerugian, kerosakan, liabiliti, perbelanjaan, denda atau penalti atau apa-apa jumlah lain secara langsung atau tidak langsung yang disebabkan oleh:
 - 2.1 penggunaan atau pengendalian mana-mana Sistem Komputer atau Rangkaian Komputer;
 - 2.2 pengurangan atau keKehilanganan keupayaan untuk menggunakan atau mengendalikan mana-mana Sistem Komputer, Rangkaian Komputer atau Data;
 - 2.3 akses kepada, pemprosesan, penghantaran, penyimpanan atau penggunaan mana-mana Data;
 - 2.4 ketidakupayaan untuk mengakses, memproses, menghantar, menyimpan atau menggunakan sebarang Data;
 - 2.5 sebarang ancaman atau sebarang penipuan berkaitan kepada 2.1 hingga 2.4;
 - 2.6 sebarang kesilapan atau ketinggalan atau kemalangan berkenaan dengan mana-mana Sistem Komputer, Rangkaian Komputer atau Data.
3. Sistem Komputer bermaksud mana-mana komputer, perkakasan, perisian, aplikasi, proses, kod, program, teknologi maklumat, sistem komunikasi atau peranti elektronik yang dimiliki atau dikendalikan oleh Pihak Diinsuranskan atau mana-mana pihak lain. Ini termasuk mana-mana sistem yang serupa dan sebarang input, output atau peranti storan data atau sistem, peralatan rangkaian atau kemudahan sandaran yang berkaitan.
4. Rangkaian Komputer bermaksud sekumpulan Sistem Komputer dan peranti elektronik lain atau kemudahan rangkaian yang disambungkan melalui satu bentuk teknologi komunikasi, termasuk internet, intranet dan rangkaian persendirian maya (VPN), membenarkan peranti pengkomputeran rangkaian bertukar Data.
5. Data bermaksud maklumat yang digunakan, diakses, diproses, dihantar atau disimpan oleh Sistem Komputer.

18. Had Sekatan dan Fasal Pengecualian (SANC)

Syarikat tidak akan dianggap menyediakan perlindungan, dan tidak akan bertanggungjawab untuk membayar sebarang tuntutan, memulangkan sebarang premium, membuat bayaran penyerahan atau pembatalan, atau memberikan sebarang manfaat sekiranya, pada pandangan **Syarikat**, penyediaan tersebut boleh mendedahkan **Syarikat** atau entiti berkaitannya kepada risiko atau mengakibatkan pelanggaran, ketidakpatuhan, atau ketidakpatuhan terhadap sebarang sekatan, larangan, had, atau peraturan yang dikenakan dari semasa ke semasa oleh mana-mana pihak berkuasa yang berwibawa, sama ada dalam negara atau antarabangsa. **Syarikat**

berhak untuk mengambil sebarang tindakan yang perlu bagi mengurangkan risiko tersebut, **Pemegang Polisi/Orang Yang Diinsuranskan**, mana yang berkenaan, hendaklah memberi ganti rugi dan melindungi **Syarikat** daripada sebarang kerugian, liabiliti, kos, atau perbelanjaan, termasuk yuran guaman, yang timbul daripada atau berkaitan dengan sebarang pelanggaran atau pendedahan sedemikian.

19. Pengecualian Penyakit Berjangkit semasa PHEIC

Polisi ini tidak melindungi tuntutan dalam apa jua cara yang disebabkan oleh atau akibat daripada penyakit berjangkit, di mana wabaknya telah diisytiharkan sebagai Kecemasan Kesihatan Awam bagi Kebimbangan Antarabangsa (PHEIC) oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO).

Pengecualian ini hendaklah terpakai kepada tuntutan yang dibuat selepas tarikh mana-mana pengisytiharan sedemikian, selain daripada diagnosis yang berkaitan telah dibuat oleh **Pengamal Perubatan** yang berkelayakan sebelum tarikh apa-apa pengisytiharan tersebut.

Pengecualian ini akan terus digunakan sehingga WHO membatalkan atau menarik balik mana-mana PHEIC yang berkaitan.

Penyakit berjangkit bermaksud sebarang penyakit yang boleh berjangkit daripada orang, haiwan atau spesies yang dijangkiti kepada orang, haiwan atau spesies lain melalui sebarang cara.

20. Pemilikan Polisi

Kami berhak untuk menganggap **Anda** sebagai pemilik mutlak Polisi dan tidak terikat untuk mengiktiraf sebarang tuntutan yang saksama atau lain-lain atau kepentingan dalam Polisi.

21. Pelepasan Liabiliti

Sebarang resit atau pelepasan yang boleh diberikan oleh **Orang Yang Diinsuranskan** atau wakil peribadinya yang sah kepada **Kami** untuk **Jumlah Diinsuranskan** atau pampasan di bawah Polisi ini akan disifatkan sebagai pelepasan muktamad dan lengkap bagi semua liabiliti **Syarikat** berkenaan dengan mana-mana dan setiap **Kecederaan** atau luar jangka (termasuk kematian) yang menyebabkan **Orang Yang Diinsuranskan** akibat daripada **Kemalangan** tersebut sama ada mengakibatkan keKehilanganan sebelum atau selepas tarikh resit atau pelepasan tersebut.

MENGEMUKAKAN ADUAN DAN RUNGUTAN

BAGAIMANA MEMBUAT ADUAN?

Anda boleh merujuk sebarang aduan **Anda** mengenai sebarang perkara berkaitan insurans kepada Unit Pengendalian Aduan **Kami** untuk penyelesaian secara baik sebelum merujuk kepada Perkhidmatan Ombudsman Pasaran Kewangan (FMOS) atau BNMLINK, Bank Negara Malaysia. Berikut ialah butiran perhubungan Unit Pengendalian Aduan **Kami**:-

Unit Pengendalian Aduan

GREAT EASTERN GENERAL INSURANCE (MALAYSIA) BERHAD

Tingkat 18, Menara Great Eastern, 303 Jalan Ampang, 50450 Kuala Lumpur

No. Telefon : 03-4259 7828

E-mel : gicare-my@greateasterngeneral.com

PERKHIDMATAN OMBUDSMAN PASARAN KEWANGAN (Dahulu dikenali sebagai OMBUDSMAN UNTUK PERKHIDMATAN KEWANGAN) ATAU BANK NEGARA MALAYSIA

Jika **Anda** tidak berpuas hati dengan maklum balas atau keputusan Unit Pengendalian Aduan **Kami**, **Anda** boleh mengemukakan aduan sama ada kepada Perkhidmatan Ombudsman Pasaran Kewangan (FMOS) dalam tempoh enam (6) bulan dari tarikh keputusan akhir Unit Pengendalian Aduan **Kami**, atau kepada BNMLINK, Bank Negara Malaysia (BNM). Sila semak dengan Unit Pengendalian Aduan **Kami** mengenai cara yang wajar untuk menangani aduan **Anda**. Berikut ialah butiran perhubungan FMOS atau BNM:-

FMOS : Tingkat 14, Blok Utama, Menara Takaful Malaysia, No.4, Jalan Sultan Sulaiman, 50000 Kuala Lumpur

No. Telefon. : 03-2272 2811

Laman Web : www.fmos.org.my

BNM : Laman Informasi Nasihat dan Khidmat (BNMLINK) (Pusat Khidmat Pelanggan Jumpa Terus)
Tingkat 4, Podium Bangunan AICB, No. 10, Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur
(Semua pertanyaan awam, aduan atau maklum balas kini harus ditujukan kepada)
Hubungi Saluran : <https://www.bnm.gov.my/BNMLINK>